

**TEKS UCAPAN
YANG DIPERTUA MPSP
MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN FOTOGRAFI
SEBERANG PERAI 2013
19 JULAI 2013 (ISNIN)
AUDITORIUM, IBU PEJABAT MPSP**

.....

Terima Kasih Saudara Pengacara Majlis

Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng
Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Berhormat Ahli-ahli EXCO Kerajaan Negeri

Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud
Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Dihormati En Joie Koo
Pengasas Allspire Photography

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Rakan-rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan hadirin yang dihormati sekalian,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Selamat Pagi

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama berhimpun pada hari ini untuk Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Fotografi Seberang Perai 2013. Terlebih dahulu saya bagi pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YAB Ketua Menteri dan semua yang hadir pada pagi ini.

Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Idea untuk Pertandingan Fotografi Seberang Perai ini timbul di awal tahun 2011 lagi. Oleh itu, MPSP telah melancarkan 'Pertandingan Fotografi Seberang Perai Tahun 2012' dan pemenangnya telah diumumkan pada Hari Majlis 2013 pada bulan Julai yang lalu.

Pada tahun 2012, sebanyak 42 penyertaan sahaja yang diterima. Oleh itu saya telah berbincang dengan En Joe Sidek, Pengarah George Town Festival 2013 tentang Pertandingan Fotografi.

Ingatan segar saya tentang cabaran yang diberikan oleh YAB Ketua Menteri kepada saya semasa saya menjadi Pengurus Besar George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) pada tahun 2010 untuk mengadakan 'George Town Festival Tahun 2010' untuk tempoh sebulan dalam masa 6 minggu penyediaan. Tujuannya untuk mempromosikan

'Art & Culture'. Salah satu programnya ialah Pertandingan Fotografi untuk George Town. Pengalaman ini amat bermakna untuk saya. Selepas saya menjadi YDP MPSP, pengalaman bekerja di GTWHI, UNESCO dan melaksanakan 'George Town Festival 2010' telah saya bawa ke MPSP untuk mencungkil dan mempromosikan keindahan Seberang Perai yang telah lama terpendam. Maka timbullah idea untuk mengadakan 'Pertandingan Fotografi Seberang Perai 2013' ini bersama Geoge Town Festival dan Allspire Photography. Foto-foto ini juga akan dimasukkan dalam 'Coffee Table Book MPSP 2013' dan akan digantung di dinding-dinding di bangunan MPSP mengikut kesesuaian.

MPSP juga telah membuat inventori bangunan-bangunan warisan dan kawasan-kawasan bersejarah. Saya berharap ialah 'Heritage Trail of Seberang Perai' akan dapat dikeluarkan pada awal tahun 2014. Satu pasukan kerja bersama GTWHI telah dibentuk untuk mengkaji Warisan SPU dalam tahun 2013.

Saya juga berharap dalam George Town Festival tahun 2014, En Joe Sidek dapat bersama-sama dengan MPSP untuk mempromosikan 'Art and Culture' yang terdapat di Seberang Perai seperti pengalaman hidup bersawah padi, menuai padi atau aspek kebudayaan lain yang boleh diketengahkan yang "compliment" dengan George Town World Heritage 'site'.

MPSP mengalu-alukan semua orang untuk mengambil peluang ini untuk melawat dan menerokai Seberang Perai untuk melihat banyak tempat-tempat yang menarik dan indah serta menikmati hospitaliti Seberang Perai dan memberi cadangan serta maklumat kepada Majlis. Pada bulan Ogos 2013, MPSP telah menubuhkan satu pasukan kerja 'Task Force Pelancongan dan Warisan' untuk membawa MPSP ke tahap yang

lebih tinggi di dalam 'Art & Culture' tanpa membelakangkan tugas rutin iaitu Sampah, Longkang, Rumput, Lampu dan Jalan (SLRLJ).

Untuk makluman Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Pertandingan Fotografi Seberang Perai 2013 dengan tema 'Discover the Beauty of Seberang Perai' ini adalah anjuran bersama oleh MPSP, George Town Festival dan Allspire Photography. Pertandingan ini bermula pada 1 Jun 2013 sehingga 1 Julai 2013. Manakala penaja utama bagi hadiah-hadiah adalah George Town Festival yang menaja hadiah wang tunai dan Syarikat Firefly yang menaja tiket penerbangan ke Phuket, Medan dan Subang bagi tiga pemenang utama.

Pertandingan ini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dimana lebih daripada 500 penyertaan telah diterima untuk Pertandingan Fotografi Seberang Perai 2013.

Barisan panel hakim bagi Pertandingan Fotografi Seberang Perai 2013 terdiri dari Pengarah Obscura Photography Festival, Encik Vignes; Pengarah George Town Festival, Encik Joe Sidek & Pengasas Allspire Photography, Encik Joie Koo.

Pameran bagi gambar-gambar yang menyertai pertandingan akan dijalankan selama sebulan bermula dari 19/8/2013 - 19/9/2013 di Ruang Lobi Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda. Sebanyak 50 gambar dipamerkan, termasuk 3 gambar yang mendapat tempat teratas, 9 gambar anugerah cemerlang, 29 gambar yang dipilih dari Pertandingan Fotografi 2013 dan 9 gambar yang menang dari Pertandingan Fotografi 2012.

Sebagai PBT yang perihatin, disamping mempromosikan pelancongan, MPSP sangat mementingkan kebersihan di seluruh Seberang Perai supaya dapat menjadikan Seberang Perai sebagai satu tempat tarikan pelancong yang baru. Saya juga ingin menyeru kepada pengusaha kedai-kedai makanan, restoran dan tempat-tempat tarikan pelancong agar dapat meningkatkan tahap kebersihan di premis-premis mereka. Secara tidak langsung ia akan menarik lebih ramai pelancong domestic dan antarabangsa ke Seberang Perai. Disamping itu, pelawat-pelawat juga dipohon supaya bersama-sama menjaga kebersihan di Seberang Perai. Dengan pelancaran 'Tourist Map', saya berharap tempat-tempat menarik di Seberang Perai dapat dikunjungi lebih ramai pelancong.

Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Memandangkan kita masih berada dalam bulan Syawal, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin. Pada hari ini juga, MPSP mengadakan Jamuan Hari Raya dan saya menjemput hadirin semua ke Jamuan Raya MPSP selepas selesai majlis ini.

Sebelum mengakhiri ucapan saya, ucapan terima kasih kepada George Town Festival dan Syarikat Firefly kerana menaja hadiah-hadiah dan Allspire Fotografi kerana bekerjasama dengan MPSP dalam pertandingan ini.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.